A

MOHAMAD RIDZUAN ZAMHOR lwn. PP

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, JOHOR BAHRU
MAT GHANI ABDULLAH PK
[PERMOHONAN JENAYAH NO: JA-44-56-07-2017]
4 OKTOBER 2017

B

PROSEDUR JENAYAH: *Siasatan polis – Notis usul – Permohonan mendapatkan laporan polis – Sama ada laporan yang dipohon adalah laporan maklumat pertama atau laporan tangkapan – Sama ada pemohon berhak mendapat laporan tangkapan – Sama ada laporan tangkapan adalah dokumen awam – Sama ada laporan tangkapan boleh diterima masuk oleh mahkamah sebagai keterangan – Kanun Tatacara Jenayah, ss. 51A, 108A*

C

Melalui satu notis usul, pemohon memohon untuk dibekalkan dengan sesalinan laporan polis (laporan polis tersebut) yang dibuat oleh seorang anggota polis yang menangkap tertuduh ('pemohon'). Laporan polis tersebut

D

berkaitan dengan satu kes lain yang mana pemohon dipertuduh di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Sebaliknya, pihak pendakwaan ('responden') menegaskan bahawa (i) laporan yang dipohon oleh pemohon bukanlah laporan maklumat pertama ('FIR') tetapi merupakan laporan tangkapan, yang dibuat setelah maklumat diterima; (ii) laporan tangkapan

E

yang dipohon oleh pemohon terjumlah pada pernyataan selepas penyiasatan bermula dan menjadikannya tidak boleh diterima sebagai keterangan bawah s. 108A Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ'); (iii) responden tidak akan mengemukakan laporan tangkapan tersebut semasa perbicaraan kerana laporan itu sendiri tidak boleh diterima setelah dikemukakan; dan

F

(iv) laporan tangkapan yang dipohon oleh pemohon bukanlah suatu dokumen awam dan hanya FIR sahaja yang tergolong sebagai dokumen awam.

Diputuskan (menolak permohonan):

G

(1) Laporan yang diminta oleh pemohon dalam kes ini tidak boleh dikategorikan sebagai FIR walaupun laporan ini mungkin laporan polis yang dibuat hasil serbuan dan tangkapan dalam kes. Ini kerana penangkapan dan penemuan barang kes diperolehi hasil maklumat. Laporan maklumat pertama digunakan sebagai aduan kepada pihak polis untuk membolehkan siasatan dimulakan manakala laporan tangkapan bertujuan menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam menjalankan

H

siasatan. Oleh itu, FIR dan laporan tangkapan berbeza. Pemohon hanya berhak untuk FIR sahaja. (perenggan 14)

(2) Pihak pendakwaan dengan tegasnya menyatakan bahawa mereka tidak akan mengemukakan laporan tersebut semasa perbicaraan dan ia tidak

I

termasuk dalam penyerahan dokumen bawah s. 51A KTJ. Oleh itu, mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan pihak pendakwaan membekalkan dokumen seperti yang dipohon oleh pemohon dalam kes ini. (perenggan 16)

(3) Bagi sesuatu kes jenayah, hanya FIR sahaja yang berhak diperolehi. Apa-apa kenyataan yang dibuat kepada polis semasa penyiasatan polis adalah dokumen terlindung maka tiada hak untuk memeriksanya dan sebagai polisi awam, pihak pendakwaan tidak digalakkan mengemukakan pernyataan itu kepada pembelaan. Laporan tangkapan dalam kes ini boleh dikategorikan sebagai pernyataan yang dibuat kepada polis semasa penyiasatan dijalankan. Laporan tangkapan bukanlah suatu dokumen awam. Dalam kes ini juga, laporan tangkapan bukanlah FIR seperti didakwa kerana pihak polis telah menjalankan siasatan setelah mendapatkan maklumat sehingga tertangkapnya pemohon dan menjumpai barang kes. (perenggan 25 & 26)

Kes-kes yang dirujuk:
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Daimon Banda v. PP [1951] 1 LNS 14 HC ***(dirujuk)***
Husdi v. PP [1979] 1 LNS 33 HC ***(dirujuk)***
Mat Zuki Ismail v. PP [2014] 1 LNS 674 CA ***(dirujuk)***
PP v. Ismail Atan [1992] 2 CLJ 1253; [1992] 3 CLJ (Rep) 228 HC ***(dirujuk)***
PP v. Kang Ho Soh [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lee Eng Kooi [1993] 2 CLJ 534 HC ***(dibezakan)***
PP v. Roslim Harun [1993] 3 CLJ 505 HC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Criminal Procedure Code, ss. 51A, 107, 108A, 120
Dangerous Drugs Act 1952, s. 39B
Evidence Act 1950, ss. 35, 157
Federal Constitution, art. 5(3)

Bagi pihak pemohon - Hamid Menon; T/n RK Menon & Co
Bagi pihak pendakwaan - Muhamad Taufik Saberi; TPR

Dilaporkan oleh Sandra Gabriel

PENGHAKIMAN

Mat Ghani Abdullah PK:

[1] Melalui satu notis usul, pemohon telah memohon untuk dibekalkan dengan sesalinan repot polis iaitu Kempas Repot No: 5960-5961/16 (laporan polis tersebut) yang telah pun dibuat oleh seorang anggota polis iaitu Koperal Amirul bin Abdullah yang telah menangkap tertuduh (pemohon) pada 28 Julai 2016. Repot polis tersebut adalah berkaitan dengan satu kes lain yang mana pemohon telah dituduh di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB) di dalam Mahkamah Tinggi Johor Bahru (Perbicaraan Jenayah No: 45A-10-03-2017).

A **Alasan Permohonan**

[2] Di dalam afidavit sokongan yang diikrarkan oleh pemohon pada 14 Julai 2017 (kandungan 2), pemohon mengatakan bahawa permohonan ini bukanlah dibuat menurut peruntukan s. 51A Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) sahaja. Seksyen 51A KTJ merupakan salah satu seksyen (one of the sections) B yang akan dirujuk oleh pemohon di dalam permohonan ini.

[3] Pemohon mengatakan semasa pegawai tangkapan tersebut (the arresting officer) Koperal Amirul menangkap pemohon, beliau turut merampas apa-apa juga ekshibit daripada pemohon. Selepas membuat C laporan polis tersebut dan menyerah pemohon dan juga semua barang-barang berkaitan (exhibits) kepada pihak atasan, dan seterusnya pihak atasan telah melantik seorang pegawai polis sebagai pegawai penyiasat kes ini. Pegawai yang dilantik sebagai pegawai penyiasat adalah Insp. Khairon Zainee bin Basiron.

D **[4]** Pemohon selanjutnya menegaskan selepas dilantik Insp. Khairon Zainee bin Basiron sebagai pegawai penyiasat, beliau telah mula menjalankan siasatan. Dengan demikian, pemohon mendakwa ini adalah laporan polis yang bertanda Kempas Polis Repot No: 5960-5961/16 merupakan laporan maklumat pertama ("the first information report") kerana ia adalah laporan E pertama diterima di balai polis berkaitan dengan tangkapan tertuduh kononnya kesalahan pemohon.

[5] Di dalam hujahan peguam bela pemohon terpelajar, beliau mengatakan bahawa tidak ada keterangan yang dikemukakan melalui afidavit yang mengatakan bahawa tangkapan terhadap pemohon tersebut telah F dilakukan di atas maklumat yang diterima memandangkan Koperal Amirul bin Abdullah tidak ada mengikrarkan apa-apa jua afidavit. Dengan demikian, peguam berhujah bahawa mahkamah tidak boleh mengambil satu pendirian atau tanggapan ("presumption") bahawa tangkapan terhadap pemohon yang dilakukan oleh Koperal Amirul bin Abdullah di atas maklumat yang telah diterima beliau daripada mana-mana pihak sebelum ini.

G

Balasan Dan Hujahan Pihak Pendakwaan (Responden)

[6] Melalui afidavit jawapan yang diikrarkan Timbalan Pendakwa Raya Muhamad Taufik bin Saberi pada 23 Julai 2017 mengatakan laporan yang dipohon oleh pemohon dalam kes ini merupakan laporan polis yang dibuat H oleh pegawai serbuan (raiding officer) bagi satu kes tangkapan dadah di bawah s. 39B Akta Dadah Berbahaya 1952. Pihak pendakwaan (responden) mengatakan laporan tersebut bukanlah laporan maklumat pertama sebaliknya merupakan laporan tangkapan, yang dibuat setelah maklumat diterima. Responden menegaskan bahawa laporan maklumat pertama serta I laporan tangkapan mempunyai tujuan yang berbeza. Laporan maklumat

pertama merupakan aduan kepada pihak polis bagi membolehkan siasatan dimulakan. Manakala laporan tangkapan bertujuan menyatakan langkah-langkah yang diambil dalam menjalankan penyiasatan.

[7] Responden seterusnya mengatakan bahawa laporan tangkapan yang dipohon oleh pemohon akan terjumlah kepada pernyataan selepas penyiasatan bermula (written statements after investigation) dan menjadi ia tidak boleh diterima sebagai keterangan (inadmissible) di bawah s. 108A KTJ.

[8] Menurut responden lagi, fakta di dalam kes tersebut ialah bertindak atas maklumat yang diterima, pihak polis telah membuat satu sekatan jalan. Lanjutan itu tertuduh (pemohon) telah ditahan dan diperiksa dan menemui dadah berbahaya dalam kereta tertuduh. Pemohon telah ditahan oleh pihak polis dan satu laporan berkenaan tangkapan dan rampasan dadah telah dibuat.

[9] Pihak responden juga menegaskan bahawa pihak pendakwaan tidak akan mengemukakan laporan tangkapan tersebut semasa perbicaraan kelak. Rasionalnya ialah laporan tersebut sendiri tidak menjadi admissible setelah dikemukakan.

[10] Pihak responden menghujahkan bahawa report tangkapan yang dipohon oleh pemohon dalam kes ini bukanlah suatu dokumen awam (public documents) dan hanya laporan maklumat pertama (first information report (FIR)) sahaja yang tergolong sebagai public documents sebagaimana diputuskan di dalam kes *Husdi v. PP* [1979] 1 LNS 33; [1979] 2 MLJ 304.

Keputusan

Sama Ada Tertuduh Berhak Kepada Laporan Tangkapan Tersebut

[11] Sebelum bermulanya sesuatu perbicaraan, seseorang tertuduh hanya berhak memperolehi dokumen-dokumen dari pihak pendakwaan yang disenaraikan di bawah s. 51A KTJ. Seksyen 51A memperuntukkan seperti berikut:

Section 51A. Delivery of certain documents.

(1) The prosecution shall before the commencement of the trial deliver to the accused the following documents:

(a) a copy of the information made under section 107 relating to the commission of the offence to which the accused is charged, if any;

(b) a copy of any document which would be tendered as part of the evidence for the prosecution; and

(c) a written statement of facts favourable to the defence of the accused signed under the hand of the Public Prosecutor or any person conducting the prosecution.

(2) Notwithstanding paragraph (c), the prosecution may not supply any fact favourable to the accused if its supply would be contrary to public interest.

(3) A document shall not be inadmissible in evidence merely because of non-compliance with subsection (1).

(4) The Court may exclude any document delivered after the commencement of the trial if it is shown that such delivery was so done deliberately and in bad faith.

(5) Where a document is delivered to the accused after the commencement of the trial, the Court shall allow the accused:

(a) a reasonable time to examine the document; and

(b) to recall or re-summon and examine any witness in relation to the document.

Perbezaan Maklumat Laporan Pertama (FIR) Dan Laporan Tangkapan

[12] Berdasarkan s. 51A di atas, seseorang tertuduh hanya berhak kepada dokumen antara lainnya FIR di bawah s. 107 Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 107 KTJ ini memperuntukkan seperti berikut:

Section 107. Information of offences

(1) Every information relating to the commission of an offence, if given orally to an officer in charge of a police station, shall be reduced to writing by him or under his direction and be read over to the informant.

(2) Every such information shall be entered in a book to be kept by that officer, who shall append to such entry the date and hour on which that information was given, and whether given in writing or reduced to writing as aforesaid shall be signed by the person giving it.

(3) (a) Notwithstanding subsection (1), information given by a person relating to the commission of an offence to a police officer, who at the time of receiving the information is not in a police station, shall be deemed to be received at a police station;

(b) A police officer receiving such information under paragraph (a) where practicable shall record or cause to be recorded the name and address of the informant, the date and time of the receipt of such information, and shall convey such information to an officer in charge of a police station or any police officer whose duty is to receive such information;

(c) Such information shall be reduced to writing and entered in a book in accordance with subsections (1) and (2) and shall subsequently be signed by the person who gave the information.

(4) A police officer shall be duty bound to receive any information in relation to any offence committed anywhere in Malaysia.

[13] Bagi merungkai persoalan apakah perbezaan maklumat laporan pertama (FIR) dengan laporan tangkapan dan sebagai pedoman kepada persoalan ini, dirujuk kes Mahkamah Rayuan *Mat Zuki Ismail v. PP* [2014] 1 LNS 674 yang mempunyai senario yang hampir sama dengan kes kita sekarang. Mahkamah Rayuan di dalam kes tersebut telah dengan jelasnya membezakan FIR dengan laporan tangkapan dan memutuskan bahawa laporan tangkapan sedemikian bukanlah suatu 'first information report' tetapi berupa suatu 'arrest report' memandangkan apabila laporan itu dibuat pihak polis telah pun mengambil langkah aktif dalam penyiasatan dan dengan yang demikian tidak boleh diterima sebagai keterangan. Di dalam kes tersebut mahkamah dengan panjang lebar menjelaskan apa itu FIR dan laporan tangkapan memutuskan:

First Information Report

[40] In our view, the real issue is whether the said Nilam Puri Report 337/07 is a first information report. Learned counsel for the appellant contended that SP9 started his investigation based on the said report and therefore it is a first information report. The learned Deputy Public Prosecutor however submitted that looking at the evidence as a whole, the police had already swung into action much earlier than the date of the report. First information was secured by SP5 from the informer on 10.3.2007. The report was made after the arrest of the appellant. It was in the learned Deputy's submission that it was an arrest report and not a first information report, citing a passage from the court of appeal's decision in *Wan Yurillhami (supra)* which states:

> ... saya dapati laporan itu bukanlah suatu 'first information report' tetapi berupa suatu 'arrest report' memandangkan apabila laporan itu dibuat pihak polis telah pun mengambil langkah aktif dalam penyiasatan dan dengan yang demikian tidak boleh diterima sebagai keterangan (lihat *Public Prosecutor v. Roslin bin Harun* [1993] 3 CLJ 505.

[41] The distinction between a first information report and an arrest report may be best explained by reference to *Public Prosecutor v. Roslim b Harun* [1993] 3 CLJ 505, where Abdul Malik Hj Ishak JC (as he then was) at pages 509-510 explained:

> Reverting back to the Semanggol Report number 98/90 lodged by PW10, the defence sought to be given a copy of it to enable them to decide whether to tender it as a defence exhibit or to cross-examine PW10 on it, if necessary. The learned Deputy Public Prosecutor strenuously objected to the application, arguing that the report not being a first information report should not be given to the defence.
>
> For the purpose of this exercise, I need only to refer to Part V, Chapter XIII of the Criminal Procedure Code. The importance of the first information report is well known. It is the basis upon which an investigation under this chapter commences. The first

A object of the first information report is only to make a complaint to the police officer to set the criminal law in motion. Whether a particular information amounts to first information or not is essentially a question of fact. If a person goes to a police station and definitely tells the officer in charge that an offence has been committed and that *a statement is made with a view to inducing the police*
B *officer to investigate the matter, it is information relating to the commission of an offence under s. 107 of the Criminal Procedure Code. The fact that the quantum of information is meagre does not really affect its character. It is trite law that once the police have taken active steps in investigation, any written statements written by them are not first information reports and consequently inadmissible in evidence* (*Daimon v. Public Prosecutor* [1951]
C 1 LNS 15; [1951] MLJ 11 and [1953] MLJ 23 CA). The importance of the first information report cannot be under-*estimated because it is the first version coming to the knowledge of the police and setting its machinery to motion.* It is for this reason that it has been provided under s. 108 of the Criminal Procedure Code that the first
D information report should be sent forthwith to the concerned Magistrate. Provision of law is to safeguard against any embellishment and concoction that may be subsequently made in the first information report (see *Imji v. State of Rajasthan* [1980] Raj. Cr. Cas 231 at 236).

E The value of first information report is that it is the first report of an occurrence to the police and as such it is entitled to the most careful consideration by the Courts of law. Its importance lies in the fact that it is presumed to be an untutored, unplanned and unthought-of out version of the incident just as it reaches the police. *Therefore it follows that any statement recorded after the*
F *commencement of the investigation and after there has been some development is not only not first information but has very little or no value at all as the original story because it can be made to fit into the case as the case developed.* It is obvious that the object of first information report is to enable the Courts to have the information about a crime given before it could be developed or embellished in any manner. Where the first
G information report is not the product of spontaneity or it is not the first reaction of the witness to the incident the chance of embellishment and improvement in the prosecution case is not ruled out (see *Nania v. State of Rajasthan* [1980] Raj Cr. C. 208 at 211).

H [42] Further on the same subject matter, we would also refer to *Balachandran v. Public Prosecutor* [2005] 1 CLJ 85, wherein the Federal Court had stated:

I In any event the report made by PW1 (if any) is not the first information report as he himself obtained information regarding this case from one ASP Rosdi. Perhaps learned counsel was influenced by the judgment in *PP v. Lee Eng Kooi* [1993] 2 CLJ 534

where it was held that the repeal of the old s. 113(1) with the substitution as it now reads "… has the effect of clearly and decisively removing the pre-amendment distinction between first information and non-first information reports" (at p. 330). *The distinction between both types of reports is not anchored on rules relating to their admissibility but the purpose they serve. While a first information report serves as a complaint to the police to set the criminal law in motion the other reports relate to steps taken by the police thereafter as, for example, an arrest report. Thus any change in the law relating to their admissibility cannot alter their character. The distinction between both types of reports still remains. It must be added that only the first information report is admissible under s. 108A in addition to ss. 145 and 157 of the Evidence Act 1950 while the other reports are admissible only under the latter provisions of law.* (emphasis added).

[14] Berpandukan nas-nas di atas, maka laporan yang diminta oleh pemohon di dalam kes ini tidak boleh dikategorikan sebagai FIR walaupun laporan ini mungkin laporan polis yang dibuat hasil serbuan dan tangkapan di dalam kes. Ini kerana seperti dinyatakan di dalam afidavit responden, penangkapan dan penemuan barang kes adalah diperolehi hasil maklumat. FIR digunakan sebagai aduan kepada pihak polis untuk membolehkan siasatan dimulakan manakala laporan tangkapan bertujuan menyatakan langkah-langkah yang diambil di dalam menjalankan siasatan. Oleh itu, FIR dan laporan tangkapan adalah berbeza. Pemohon hanya berhak kepada FIR sahaja. (Rujuk juga kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85).

[15] Walaupun pemohon menafikan bahawa permohonannya bukan di bawah s. 51A KTJ tetapi di dalam intitulement di dalam notis usulnya dengan jelas mengatakan s. 51A KTJ. Sekiranya pemohon tidak memohon di bawah s. 51A KTJ, persoalannya, di bawah peruntukan apa undang-undang yang boleh melayakkan pemohon mendapatkan dokumen sedemikian sebelum bermulanya sesuatu perbicaraan. Pada hemat saya, pada peringkat ini, hanya di bawah s. 51A KTJ yang melayakkan seseorang tertuduh untuk memperolehi sesalinan dokumen FIR di bawah s. 107 KTJ iaitu dokumen yang dikemukakan sebagai sebahagian keterangan pihak pendakwaan dan pernyataan bertulis yang memihak kepada pertuduhan jika pihak pendakwaan berpendapat tidak bertentangan kepentingan awam.

[16] Harus diingatkan bahawa pihak pendakwaan telah dengan tegasnya menyatakan bahawa mereka tidak akan mengemukakan laporan tangkapan tersebut semasa perbicaraan kelak dan ia tidak termasuk di dalam penyerahan dokumen di bawah s. 51A KTJ. Oleh itu, mahkamah ini tidak mempunyai bidang kuasa untuk memerintahkan pihak pendakwaan membekalkan dokumen seperti apa dipohon oleh pemohon di dalam kes ini.

[17] Pada pendapat saya permohonan yang dibuat pada peringkat ini oleh pemohon dibuat sebelum bermula lagi perbicaraan terhadapnya adalah suatu permohonan yang terlalu pramatang bagi mahkamah ini untuk membenarkan permohonan sedemikian. Sekiranya laporan tangkapan tersebut kemudiannya dirujuk oleh pihak pendakwaan semasa perbicaraan atas sebab-sebab tertentu kemungkinan untuk pemohon mempunyai akses kepada laporan adalah pertimbangan lain.

[18] Keadaan kes kita sekarang ini hendaklah dibezakan dengan keadaan di dalam kes yang dirujuk oleh pemohon iaitu di dalam *PP v. Lee Eng Kooi* [1993] 2 CLJ 534; [1993] 2 MLJ 322. Di dalam kes tersebut YA hakim telah memerintahkan supaya pihak pendakwaan membekalkan laporan (P27), iaitu laporan penemuan barang kes kepada pembelaan kerana laporan ini telah dirujuk oleh pihak pendakwaan semasa SP3 dipanggil semula dan SP3 telah merujuk P27 untuk tujuan menyegarkan ingatannya semasa memberi keterangan di dalam mahkamah. Maka adalah wajar YA hakim di dalam kes tersebut memerintahkan laporan P27 dibekalkan kepada pemohon bagi tujuan mencabar kredibiliti saksi tersebut. Di dalam kes tersebut perbicaraan telah bermula.

[19] Mesti diingatkan juga bahawa *per curiam* di dalam kes *Lee Eng Kooi (supra)* YA hakim mengatakan s. 35 dan s. 157 Akta Keterangan 1950 tidak boleh dibaca sebagai membenarkan pihak pendakwaan menggunakan pernyataan yang dibuat dan dicatit selepas penyiasatan bermula sama ada sebagai FIR ataupun bukan FIR untuk menyokong testimoni seorang saksi kerana ia tidak adil kepada tertuduh jika kebenaran diberikan untuk menerima masuk keterangan pihak pendakwaan. Ini adalah kerana kandungannya akan dibentuk supaya padan dengan bahan perkara dalam kes itu sebagaimana yang telah terbentuk.

Per curiam:

> It is impermissible to read ss. 35 and 157 of the Evidence Act 1950 as permitting the prosecution to use statements made and recorded after investigations have commenced, be it in the form of first information report or non-first information report, to corroborate the testimony of a witness, because it is unjust and unfair to the accused to allow subsequent or non-first information reports detailing and setting out materials derived from an investigation, initiated and set into motion by a first information report, to be used for corroborative purposes, as their contents will be made to dovetail with materials in the case as have then developed.

[20] Maklumat yang diperolehi terima yang menghasilkan tangkapan tersebut tidak semestinya perlu direkodkan. Oleh itu, tidak di dalam semua kes yang disiasat oleh polis mesti mempunyai FIR.

[21] Mahkamah bersetuju dengan hujahan pihak pendakwaan bahawa laporan tangkapan yang diminta oleh pemohon tidak boleh diterima sebagai keterangan. Hanya FIR boleh diterima sebagai keterangan tetapi sekiranya ia bukan FIR yang mana polis telah mengambil langkah-langkah di dalam penyiasatannya maka apa-apa pernyataan yang tergolong di bawah s. 120 KTJ adalah tidak boleh diterima sebagai keterangan. Sebagai pedoman dirujuk *PP v. Ismail Atan* [1992] 2 CLJ 1253; [1992] 3 CLJ (Rep) 228; dan *PP v. Kang Ho Soh* [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557; [1992] 1 MLJ 360.

[22] Di dalam kes *PP v. Roslim Harun* [1993] 3 CLJ 505 YA Hakim yang memetik kes (*Daimon Banda v. Public Prosecutor* [1951] 1 LNS 14; [1951] MLJ 11 dan [1951] 1 LNS 15; [1953] MLJ 23 CA) mengatakan:

> The fact that the quantum of information is meagre does not really affect its character. It is trite law that once the police have taken active steps in investigation, any written statements written by them are not first information reports and consequently inadmissible in evidence … Therefore it follows that any statement recorded after the commencement of the investigation and after there has been some development is not only not first information but has very little or no value at all as the original story because it can be made to fit into the case as the case developed. It is obvious that the object of first information report is to enable the Courts to have the information about a crime given before it could be developed or embellished in any manner. Where the first information report is not the product of spontaneity or it is not the first reaction of the witness to the incident the chance of embellishment and improvement in the prosecution case is not ruled out (see *Nania v. State of Rajasthan* [1980] Raj Cr. C. 208 at 211).
>
> It must be added that only the first information report is admissible under s. 108A in addition to ss. 145 and 157 of the Evidence Act 1950 while the other reports are admissible only under the latter provisions of law.

[23] Pihak pendakwaan juga merujuk mahkamah ini kepada kes *PP v. Kang Ho Soh* [1991] 3 CLJ 2914; [1991] 3 CLJ (Rep) 557; [1992] 1 MLJ 360 yang menyatakan seperti berikut:

> The next line of attack was that the failure of the prosecution to formally tender the arrest report of PW2 was fatal. *Tan Cheng Kooi & Anor v. PP* and *PP v Lee Ah Ha* were cited as authorities. I regret to say I found this submission unworthy of serious consideration. PW2's so-called report was not a first information report. It was an 'arrest' report, a copy of which had been supplied to the defence. Indeed they cross-examined on it using it as a previous statement which they could use to contradict PW2. *The prosecution could not even use the report to corroborate PW2. (See Karthiyayani & Anor v. Lee Leong Sin & Anor 37). So how could they put it in as evidence?*
>
> (emphasis added)

Sama Ada Laporan Tangkapan Adalah Suatu Dokumen Awam (A Public Document)

[24] Saya tidak bersetuju dengan penegasan peguam bela bagi pihak pemohon yang mengatakan laporan tangkapan adalah suatu dokumen awam (a public document). Tidak semua laporan yang dibuat di balai polis boleh dikatakan sebagai public document yang membolehkan sesiapa sahaja memohon untuk mendapatkannya.

[25] Sebagaimana diputuskan di dalam kes *Husdi v. Public Prosecutor* [1979] 1 LNS 33, bagi sesuatu kes jenayah hanya FIR sahaja yang berhak diperolehi. Apa-apa kenyataan yang dibuat kepada polis di dalam masa penyiasatan polis adalah dokumen terlindung (privilege) maka tiada hak untuk memeriksanya dan sebagai public policy adalah tidak digalakkan untuk pihak pendakwaan mengemukakan pernyataan itu kepada pembelaan. Di dalam kes *Husdi (supra)* dinyatakan:

> On the face of it, a police statement falls under s. 74 of the Evidence Act, as it is a document forming the act of a public officer. Simply because a document is the act of a public officer does not give a person, interested or otherwise, a right to inspect. Section 76 of the Evidence Act merely relates to the manner of certification. It is not an enactment which confers any right. It presupposes the existence of the right to inspect. The opening part of the section reads "Every public officer having the custody of a public document which any person has a right to inspect ..." The right to inspect a police statement, which is a statutory, not common law, creature, would depend on the construction of the relevant provisions, particularly those under the Criminal Procedure Code.

[26] Oleh itu laporan tangkapan di dalam kes kita boleh dikategorikan sebagai pernyataan yang dibuat kepada polis semasa penyiasatan dijalankan. Ia bukan suatu public document. Di dalam kes kita sekarang ini laporan tangkapan bukanlah FIR seperti didakwa, ini kerana pihak polis telah menjalankan siasatan setelah mendapatkan maklumat sehingga tertangkapnya pemohon dan menjumpai barang kes.

[27] Harus dinyatakan di sini bahawa seseorang tertuduh itu berhak kepada sesalinan FIR kerana untuk memberi perlindungan di bawah per. 5(3) Perlembagaan Persekutuan apabila terdapat aduan terhadap dia dan sebagai persediaan untuk membuat pembelaannya kelak. (Rujuk *Husdi v. PP (supra)*).

[28] Oleh yang demikian di atas pertimbangan di atas, permohonan oleh pemohon untuk mendapatkan sesalinan laporan polis No. 5960-5961/16 ditolak.